



ANWAR Ibrahim bergambar bersama warga kerja Petronas pada Majlis Sesi Ramah Mesra Warga Petronas di Kompleks Petronas Pantai Timur, Kerteh semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

Malaysia hab terbesar Saudi Aramco di Asia Tenggara

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
utusannews@mediamulia.com.my

KEMAMAN: Syarikat Saudi Aramco bersetuju memperluaskan fasiliti syarikat itu yang dirancang di Kompleks Bersepadu Pengerang di Johor.

Perkembangan tersebut bakal menjadikan Malaysia sebagai hab terbesar syarikat minyak dan gas terbesar dunia di Asia Tenggara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkembangan tersebut adalah penghargaan besar bukan sahaja kepada Malaysia tetapi Petronas.

Menurut beliau, perbincangan mengenai perkara itu akan disertai Lembaga Saudi Aramco dan Petroliam Nasional Bhd. (Petronas).

"Ini maksudnya apa? Ia cabaran kepada Petronas untuk mempertahankan integriti

dan mencari hala tuju baharu dalam perniagaan yang dijalankan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Sesi Ramah Mesra Perdana Menteri Bersama Warga Kerja Petronas Pantai Timur di Kompleks Petronas Pantai Timur di sini semalam.

Sebelum ini, Saudi Aramco menyuarakan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab perkembangan minyak dan gas

Arab Saudi di rantau Asia Tenggara.

Perluasan fasiliti syarikat tersebut adalah dengan menambah aktiviti hiliran petrokimia dan gas.

Fortune Global 500 pada 2021 menyenaraikan Saudi Aramco di tempat keenam teratas sebagai syarikat paling untung di dunia, dengan perolehan berjumlah AS\$105 bilion (AS\$1=RM4.77).